

CNS8570

R GB 17-06 00782 B343

REPEAT BAHT 170800

LEAD RRJP2 ''''

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 4.30 petang, 17 Jun)

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-Dua (RRJP2), satu strategi untuk membawa Malaysia menuju matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

RRJP2, yang meliputi tempoh 1991-2000, mengandungi apa yang disebut sebagai Dasar Pembangunan Baru (DPB) bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970-1990).

Dalam kata pendahuluan pada naskhah RRJP2 setebal 193 muka surat yang dibentangkan di Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata matlamat DPB ialah untuk mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatu padu dan adil.

+Dasar ini akan dilaksanakan berasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan pengagihan bagi semua lapisan masyarakat, + katanya.

+DPB menandakan bermulanya satu era baru dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju daripada semua segi menjelang tahun 2020.+

Berbeza dengan DEB yang menetapkan jangka masa tertentu untuk mencapai matlamat-matlamat berangka, terutamanya sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak 30 peratus menjelang tahun 1990, DPB lebih menumpukan kepada kualiti daripada kuantiti. -- lagi

LEAD RRJP2 2 Kuala Lumpur ''''

Ia tidak lagi menyebut soal peratusan tetapi mengenai sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang mampu mewujudkan kekayaan dan menguruskannya.

Ia menyentuh soal pembangunan sumber manusia, kemajuan sains dan teknologi (S&T), penyelidikan dan pembangunan (P&P), kualiti dan kecemerlangan.

Pada masa yang sama, DPB akan meneruskan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Memandangkan kemiskinan mutlak tidak lagi menjadi masalah besar, perhatian akan diberi kepada usaha menyelesaikan masalah golongan termiskin, yang sebenarnya hanya melibatkan sejumlah isirumah yang agak kecil.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan mempertingkatkan usaha mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan mengambil tindakan ke atas masalah kemiskinan relatif yang semakin ketara sebagai sebahagian penting daripada strategi untuk terus memperbaiki pengagihan pendapatan di negara ini. -- lagi

LEAD RRJP2 3 Kuala Lumpur ''''

Beliau berkata memandangkan ketidakseimbangan antara kaum belum dapat dihapuskan, adalah penting diteruskan strategi penyusunan semula masyarakat, terutamanya meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi moden.

Pelaksanaan strategi baru itu di bawah DPB akan mengambil kira kelemahan-kelemahan pendekatan yang lalu dan juga kemajuan yang telah dicapai.

+Apa yang lebih penting di dalam strategi penyusunan semua masyarakat bukanlah setakat pencapaian matlamat kuantitatif yang khusus tetapi bagi meningkatkan keupayaan Bumiputera untuk mewujudkan kekayaan dan menguruskannya,+ kata beliau.

+Aspek-aspek penyusunan semula masyarakat inilah yang akan diberi keutamaan di bawah DPB, khususnya melalui program pembangunan sumber manusia di dalam bidang pendidikan, latihan dan penerapan sistem nilai yang baik.+

Kajian RRJP1 (1971-90) menunjukkan pencapaian Bumiputera dalam pemilikan modal saham bertambah daripada 2.4 peratus pada 1970 kepada 20.3 peratus pada 1990, masih jauh daripada matlamat 30 peratus yang ditetapkan di bawah DEB.

Usaha akan diteruskan di bawah DPB untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera tetapi tiada tempoh waktu ditetapkan bagi pencapaian matlamat 30 peratus itu. Satu kajian akan dibuat menjelang tahun 2000. -- lagi

LEAD RRJP2 4 Kuala Lumpur ''

Antara intipati RRJP2:

- + ekonomi negara akan berkembang pada kadar 7 peratus setahun berbanding dengan 6.7 peratus bagi tempoh 1971-90;
- + kemiskinan mutlak akan terhapus dan yang tinggal hanya kelompok-kelompok termiskin yang melibatkan sebilangan kecil isirumah;
- + perhatian wajar akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan yang ketinggalan seperti kaum Orang Asli, suku kaum di Sabah dan Sarawak dan masyarakat India;
- + pengangguran akan berkurangan kepada kira-kira 4 peratus menjelang tahun 2000 dan dengan pasaran buruh yang ketat, produktiviti dan upah dijangka meningkat dan ekorannya itu, taraf hidup akan bertambah baik;
- + alam sekitar akan lebih terpelihara;
- + Sains dan Teknologi (S&T) dan Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) diperhebatkan;
- + kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000; dan
- + tekanan yang lebih kepada pembangunan sumber manusia untuk melahirkan lebih banyak pekerja mahir. -- lagi

LEAD RRJP2 5 Kuala Lumpur ''

Datuk Seri Dr Mahathir berkata prospek pertumbuhan ekonomi adalah cerah tetapi +kita mesti bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.+

Dengan kesejagatan ekonomi dunia dan perubahan-perubahan pesat yang berlaku di persekitaran ekonomi antarabangsa, ketahanan ekonomi Malaysia hendaklah dipertingkatkan lagi bagi menghadapi cabaran.

+Kita mestilah bekerja lebih gigih lagi dan mendisiplinkan diri kita sendiri untuk mencapai daya saing yang berterusan dalam ekonomi dunia.

+Mutu dan kecemerlangan hendaklah menjadi tunggak negara kita,+ kata Perdana Menteri.

Nilai-nilai sedemikian, bersama-sama dengan nilai moral dan kerohanian yang tinggi, akan membolehkan Malaysia mencapai matlamat-matlamat RRJP2 dan menapak ke hadapan untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, katanya. -- Bernama

♥17/06/10-10MST